

18 JULAI 2018

Penagih dadah gigit bayi direman

Penagih dadah gigit bayi direman

KEPALA BATAS 17 Julai - Seorang lelaki disyaki penagih dadah bertindak luar kewarasan apabila menggigit bayi perempuannya berusia 20 hari dalam kejadian di Bumbung Lima di sini semalam.

Lebih kejam, suspek berusia 34 tahun yang tidak bekerja itu juga mengugut akan menjual anaknya sendiri setiap kali bergaduh dengan isterinya.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, akibat tidak tahan dengan sikap baran suaminya itu, isteri suspek membuat laporan polis.

Menurutnya, suspek ditahan kira-kira pukul 7.50 malam di pekarangan Hospital Kepala Batas di sini.

"Berdasarkan laporan, kejadian dipercayai berlaku pada 11 Julai lalu apabila suspek menggigit kepala anaknya sehingga meninggalkan kesan," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, suspek juga kerap melambung bayi berkenaan dan menggantung di buaian sehingga jatuh ke lantai, selain didakwa pernah menggigit anaknya di bahagian hidung dan pipi.

"Hasil siasatan polis menda-

pati punca lelaki itu bertindak demikian kerana bayinya sering menangis," katanya.

Bagaimanapun tambahnya, pemeriksaan oleh doktor mendapati kesan lebam pada badan bayi berkenaan telah hilang, selain tiada kecederaan dalaman.

"Ujian air kencing pula mendapati suspek positif dadah jenis *methamphetamine*, namun tidak mempunyai rekod jenayah lampau," katanya.

Noorzainy memberitahu, suspek kini direman empat hari untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001.